

# Banyak firma British gagal rebut tender di Malaysia

KUALA LUMPUR, Khamis — Beberapa firma British gagal mendapat tender bernilai berjuta ringgit mungkin ekoran dari polisi baru Perdana Menteri berhubung dengan barangan dan perkhidmatan British.

Sumber-sumber Jabatan Perdana Menteri ketika mengesahkan perkara ini menjelaskan, tender-tender yang sepatutnya diberi kepada firma British itu telah diteliti secara mendalam sebelum dikeluarkan.

"Kita mengikut peraturan yang dibuat di mana Malaysia tidak akan membeli dan menggunakan barangan atau perkhidmatan British sekiranya ada pilihan lain," kata sumber itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Kabinetnya mengambil keputusan mewujudkan polisi baru itu September lepas. Arahan dikeluarkan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan supaya mendapatkan kebenaran Jabatan Perdana Menteri sebelum mengeluarkan tender kepada firma-firma British.

Arahan ini merupakan tindak balas Kerajaan Malaysia terhadap langkah Majlis Keselamatan Industri British yang meminda peraturan pemilikan dan pengambilalihan saham di pasaran saham United Kingdom ekoran dari kejayaan Permodalan Nasional Berhad menguasai Guthrie Corporation.

Semua jabatan dan agensi kerajaan kini mengajukan tender yang dipohon oleh firma British bersama firma lain ke Jabatan Perdana Menteri untuk diputuskan.

Sumber itu menjelaskan, sejumlah besar firma British yang layak, gagal memperolehi tender-tender itu. Bagaimanapun, beliau enggan memberi butir-butir lanjut.

Katanya, hampir semua jabatan dan agensi kerajaan yang terlibat mengeluarkan tendernya kepada firma-firma lain yang bukan dari British.

"Kementerian yang banyak terlibat dalam perkara ini ialah Kementerian Pertahanan dan Jabatan Kerja Raya," ujarnya.

JKR yang sebelum ini banyak mengupah firma perunding British kini tidak berbuat begitu lagi.

Menurut sumber itu, selain dari firma British, tender-tender itu dibahagikan kepada firma lain sama rata.

Bagaimanapun, tambah beliau, polisi baru itu tidak mendatangkan masalah kepada beban kerja jabatan-jabatan kerajaan.

Sumber itu menambah, arahan Perdana Menteri akan kekal dan tidak diketahui bilakah akan ditarik balik ataupun dikekalkan se-

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri .....

No. Penerima